

**Teks ucapan penggulungan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 22 Jun, 2002.**

SAYA berasa amat bersyukur kerana mesyuarat agung pada tahun ini. Tahun ini menarik perhatian luar biasa dan penyertaan yang begitu besar daripada ahli-ahli UMNO dan pemerhati-pemerhati. Saya berpendapat bahawa kehadiran dalam mesyuarat agung pada tahun ini jauh lebih besar daripada yang biasa.

Walaupun pada tahun ini tidak ada pemilihan - biasanya yang hadir ramai ialah semasa kita mengadakan pemilihan. Tetapi kali ini walaupun tidak ada pemilihan, jumlah yang hadir begitu ramai dan mereka bukan sahaja terdapat di dalam dewan ini, di luar dewan, di tingkat yang sama, di tingkat bawah semuanya penuh sesak dengan ahli-ahli UMNO.

Yang menarik ialah kehadiran golongan muda terutama beliawanis, ahli Puteri yang mungkin sudah menjadi ahli atau belum menyertai puteri. Sebab itu kita lihat selain daripada baju merah wanita, terdapat pula baju-baju ros puteri mewarnakan perhimpunan kita. Barangkali ini juga akan digunakan oleh Menteri Pelancongan untuk warna-warni Malaysia. Di masa yang sama, ramai juga yang hadir - segelintir daripada orang tua yang berumur termasuk orang perempuan dan lelaki.

Dalam tahun 1999 di waktu kita mengadakan pilihan raya, kita dapati ramai juga wanita yang berumur yang telah memisahkan diri daripada UMNO kerana kononnya mereka sudah tua dan ingin menentukan di mana mereka akan ditempatkan di akhirat. Dengan itu mereka telah memberikan sokongan kepada parti lain.

Tetapi hari ini nampak golongan ini juga turut excited dan bersemangat - semua juga ingin bersalam-salaman. Ini bermakna bahawa golongan muda dan tua sudah kembali bersemangat dan sudah sedar akan perjuangan UMNO dan betapa pentingnya menyertai perjuangan ini. Di masa yang sama juga, kita lihat jumlah peniaga yang menjual barangan semasa mesyuarat agung ini sudah bertambah.

Mereka bukan sahaja memenuhi tempat yang dikhas bagi mereka, tetapi kita lihat mereka sudah melimpah ke tempat-tempat lain sehingga di belakang ini pun ada mereka yang menjual pelbagai jenis barangan termasuk juga kumpulan wanita yang mempunyai kawasan khas bagi mereka. Saya sempat juga pergi melawat, tapi masalah saya ini ialah bila saya hendak membeli orang nak bagi free.

Kadang-kadang saya jalan dulu, sudah lepas itu saya beritahu kepada security suruh beli, tapi dia dapat tahu juga. Dalam dewan ini, jelas sekali jumlah yang hadir begitu besar, sehingga ke tingkat teratas sekalipun terdapat pemerhati- pemerhati. Pada petang ini kita melihat seperti juga pada hari pertama kita melihat kumpulan koir kita yang berbaju kuning dan kelabu, tetapi semasa mereka tidak berada di tingkat itu, tingkat itu dipenuhi dengan pemerhati-pemerhati dan ini juga menunjuk betapa ramainya kehadiran dalam mesyuarat agung 2002 ini.

Satu perkara yang menarik yang dilihat daripada pentas ini ialah warna hitam. Kita tengok ada satu parti lain, bila dia ada muktamar, kita nampak putih belaka. Tetapi perhimpunan kita ini warna kopiah ialah hitam. Dan hitam ini tidak bermakna kita kurang Islam, kerana kopiah putih hanya pakaian sahaja, pegangan kepada agama belum tentu kerana memakai kopiah putih. Yang merogol dan melakukan sumbang mahram pun bila ke mahkamah pakai kopiah putih juga. Jadi janganlah kita terpengaruh dengan kopiah putih, jubah dan janggut dan sebagainya sebagai bukti mereka berpegang kuat kepada agama.

Kita tahu Benggali Sikh juga memakai jubah, serban, dan ada janggut yang lebih lebat daripada kita. Saya sebut perkara-perkara ini kerana pada saya ternampak jelas pada tahun ini semangat UMNO sudah dipulih dengan kuatnya. Kita sudah adakan barisan pelapis daripada generasi muda, daripada Pemuda dan juga Puteri. Mereka yang akan menggantikan kita supaya UMNO dan perjuangannya dapat diteruskan. Kita khuatir kalau-kalau ahli UMNO membawa UMNO ini bersama-sama dengan mereka bila menjadi tua dan kemudian terpaksa meninggal dahulu.

Tetapi sekarang ini kita yakin walaupun golongan tua ini terpaksa memisah diri daripada UMNO dan terpaksa akhirnya kembali ke rahmatullah, UMNO dapat diteruskan juga. Dan perjuangan UMNO yang tidak boleh selesai dapat diteruskan supaya orang Melayu akan menjadi satu bangsa yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Yang bermaruah dan dapat mengekalkan kemerdekaan negara mereka sehingga selamanya. Itulah harapan kita bila kita melihat begitu ramai yang menghadiri mesyuarat agung pada tahun ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang berucap dan menyatakan sokongan kepada diri saya sendiri. Sepatutnya sokongan itu ditujukan kepada parti kita, namun demikian saya rasa terharu dengan sebutan-sebutan dan kata-kata manis terhadap diri saya.

Saya juga terima kasih kepada Pak Lah terutamanya kerana jadikan saya dan isteri saya jadi sebagai contoh kepada semua. Sama ada kami layak menjadi contoh atau pun tidak, tak tahulah saya nak kata tapi merasa sedap juga bila dengar saya jadi contoh, Yalah saya ni cuma satu isteri saja jumpa yang itu aje. Sekarang ini susah sikit, bila kita pergi universiti sekarang ini penuntut wanita lebih ramai daripada lelaki. Jadi lelaki banyak pilihan - semasa saya di universiti dulu cuma ada satu tu aje. No choice tapi alhamdulillah walaupun tidak ada choice tahan lama juga sampai sekarang. Cuma saya nak betulkan Pak Lah satu saja, saya ada tujuh orang anak bukan enam dan sekarang ini saya ada 15 orang cucu, dua daripadanya dilahir pada satu hari - daripada 13 naik jadi 15 (orang cucu), cuma dalam jangka masa empat jam sahaja.

Berkenaan dengan beberapa pihak yang berkata saya tidak perlu sebut maaf kerana apa yang saya perkatakan tetapi ini budaya kita, budaya orang Melayu. Kita selalu meminta jalan tak seperti orang lain. Kalau kita nak berjalan depan orang, kita tunduk sikit dengan tangan kita rendah supaya melindungi kaki kita kerana kita anggap kaki itu sebagai rendah dan tidak harus sama dengan orang lain. Tetapi saya meminta maaf secara ikhlas dan saya harap tiada sesiapa memikirkan bahawa tujuan saya ialah untuk meraih simpati.

Saya juga ucap berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi pandangan mereka kepada saya secara peribadi. Saya ingat nak sebut sikit berkenaan nama parti. Nama parti kita ini sebenarnya Pekembar - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, tetapi kita lebih rela dan lebih suka dengan mana UMNO. Nama UMNO adalah satu nama yang cukup baik kerana ia ada kaitan dengan iman. Kita baca dalam al-Quran selalu disebut Ya layuhal lazi na amanu... wahai orang-orang yang beriman inilah.

Yang tidak beriman ada di mana? Tak payah saya sebut. Nama dia Pas, Parti Aslam Se-Malaysia. Saya tidak tahulah apa dia agama Aslam ni. Sebab itu dia melencong daripada agama. Dia bukan parti Islam, dia parti Aslam. Pas, kalau ditukar PIS, oh... benda tu kita tak tahulah barangkali dia dok mencarut, dia tahulah apa dia. Tahun ni kita memberi penghargaan yang sewajarnya, yang sepatutnya kepada Wanita. Bukan kerana kita nak jadi orang Putih... tidak... Dalam budaya orang Putih ni, kalau dia nak buat ucapan dia kata ladies and gentlemen. Tapi bila kita buat ucapan, kita kata tuan tuan dan puan-puan, jadi tuan dulu lepas itu puan.

Tapi kita tidak gugur semua sekali. Cuma lagi bila kita sebut nama jawatan-jawatan dalam UMNO ni, kita beri penghargaan kepada Wanita kerana dia lebih awal, jumlahnya lebih besar dan kita tahu Wanita memainkan peranan amat besar dalam menjayakan parti kita. Mereka mesti tebal muka untuk menjayakan tugas mereka kerana mereka perlu pergi dari rumah ke rumah, kadang-kadang pergi ke rumah orang-orang Pas yang tidak suka melihat mereka. Namun mereka pergi juga untuk merayu undi - untuk berkenal-kenalan. Saya percaya kalau kita ingin menawan hati orang dengan mengasingkan orang itu daripada kita, tak mungkin kita menawarkan hati orang. Tetapi kalau kita mendekati diri kita dengan orang itu, kemungkinan orang yang tidak bersetuju dengan kita juga akan lembut hati dan mungkin sebilangan daripada mereka akan menerima hujah-hujah kita dan menyokong kita.

Sebab itu peranan Wanita menjadi begitu tebal, baik, berkesan sekali. Ucapan yang dibuat oleh wakil Wanita yang menimbulkan soal sekarang ini - kita mempunyai Puteri. Setelah kita tentukan peranan Wanita sebagai perayu undi, ketua kumpulan sepuluh dan sebagainya, apakah peranan Puteri pula? Memandang bahawa Puteri terdiri daripada golongan yang lebih muda dan ramai daripada mereka sekarang lulusan daripada universiti, bukan wanita tidak lulus daripada universiti, banyak yang lulus tetapi kerana kita tahu di zaman sekarang ini golongan muda amat senang sekali dengan IT, sebab itu Puteri akan diberi tugas kerja-kerja yang melibatkan penggunaan komputer dalam parti kita.

Merekalah yang akan memasukkan data dalam komputer. Merekalah yang akan buat analisis. Merekalah yang akan memberi maklumat kepada kita kepada bahagian dan juga pengundi semasa pilihan raya. Saya fikir ini amat sesuai dengan Puteri kerana ramai daripada mereka terpelajar dalam bidang ini. Saya harap Puteri dapat menerima tugas ini dengan baik. Masa bercakap tentang ini, saya teringat tentang apa yang dicakapkan oleh Ibrahim Ali dari Kelantan. Dia marah sangat kenapa kalau isteri atau wanita yang diberi satu-satu jawatan yang tinggi, suami tidak boleh bersama dengan dia. Katanya, sementara isteri berada di atas suami berada di bawah, ini satu peraturan yang tidak kena tapi kadang-kadang kena juga.

Orang UMNO ini lain, kita kata lain, lain yang dia fikir, itulah sebabnya tulang dia terlepas ke depan. Saya cuma nak kata bahawa saya ada di sini di atas pentas ini, sedangkan isteri saya ada di atas, sepatutnya saya naik duduk di ataslah baru sama. Berkenaan dengan perbahasan-perbahasan yang diadakan hari ini, hampir semua boleh kata semualah - jurucakap-jurucakap telah menyuarakan sokongan mereka kepada semua ketiga-tiga usul yang dikemukakan, pindaan pada perlembagaan pendidikan dan agama serta sosial.

Saya sedar bahawa bagi jurucakap untuk menyokong parti dan menyokong kerajaan agak berat sikit - tak seronok nak cakap. Kalau boleh hentam masa tu yang seronok sekali, nak sokong payah nak hentam, tapi kalau kita pandai-pandai boleh juga hentam. Kita tengok wakil pembawa usul agama dari Kedah sedap juga, dari Pulau Pinang - biasanya Pulau Pinang ni jurucakap tak berapa pandai melainkan dia punyai ketualah. Tapi pagi tadi bukan main dia punya cerita berkenaan dengan fox and rabbit... ini seronok juga.

Jadi bagi mereka yang pintar termasuk kawan saya Badaruddin... tak kira apa tajuk sama ada perlu sokong atau tidak, macam-macam cerita boleh dibuat. Dalam kita gelak ketawa dengar cerita lucu dia itu, dia hentam kita cukup cekap. Dia juga kata takkanlah semua yang ada di atas pentas ini nak menganiayakan orang Melayu, tapi dia tambah sikit di hujung... melainkan satu dua. Siapa makan cili orang itu merasa pedas. Pendidikan menjadi satu isu yang amat menarik pada tahun ini. Sebabnya adalah kerana kerajaan telah memperkenalkan beberapa pendekatan baru yang luar biasa. Yang pertama berkenaan meritokrasi pemilihan kemasukan ke dalam universiti berasaskan kelulusan yang baik dan bukan pada kuota.

Sebenarnya bila kita umumkan meritokrasi, kita percaya bilangan penuntut Melayu yang akan diterima oleh universiti akan berkurangan daripada 55 peratus yang ditetapkan tetapi entah bagaimana melalui meritokrasi jumlah yang diterima lebih daripada 55 peratus. Ia meningkat kepada 69 peratus - satu peratusan yang amat tinggi. Ini bermakna bahawa setelah beberapa tahun kita mengamalkan sistem kuota maka ramai penuntut Melayu yang layak tidak diterima ke universiti kerana kuota sudah penuh, dengan itu yang rugi adalah kita.

Tahun ini dengan menggunakan meritokrasi jumlah peratusan kita sudah meningkat tetapi kita tidak boleh berasa senang hati complacent bahawa pada tahun-tahun depan juga angka yang serupa akan dicapai. Jika tidak ada usaha sungguh-sungguh untuk kejar ilmu, untuk dapat kelulusan yang cemerlang kemungkinan tahun depan peratusan Melayu ke universiti akan berkurangan. Walaupun pada tahun ini kita lihat ia bertambah tetapi pertambahan itu disebabkan oleh kita menggunakan sukatan-sukatan tertentu, kalau kita menggunakan keputusan peperiksaan yang lain, mungkin lebih ramai kaum lain diterima masuk ke universiti.

Sebab itu saya harap kita tidak lepas tangan dan percaya bahawa kita sudah pandai dan tidak perlu berusaha lagi. Alhamdulillah oleh kerana jumlah peratusan Melayu yang masuk universiti tahun ini lebih daripada tahun lepas maka perkara ini tidak menjadi masalah dan tidak menjadi bahan cemuhan terhadap kerajaan. Tetapi kita juga telah perkenalkan dua lagi perkara yang tidak disenangi iaitu membenarkan 10 peratus bukan Melayu menyertai matrikulasi dan 10 peratus lagi ke MRSM (Maktab Rendah Sains Mara).

Ada yang berpendapat matrikulasi adalah hak kita dan MRSM adalah hak kita. Kita mengadakan peruntukan atau kemudahan ini untuk bantu kita tetapi kita perlu ingat bahawa orang yang selalu dibantu akan menjadi lemah. Kalau kita tidak pernah berjalan tanpa tongkat, kita tidak boleh berjalan apabila tongkat diambil daripada kita. Sebab itu kita kena belajar berjalan tanpa tongkat sedikit-sedikit tanpa tongkat. Itulah tujuan kita dan saya berterima kasih kerana pendekatan ini telah diterima oleh UMNO dan ini akan kita laksanakan dengan tidak membelakangkan kepentingan orang Melayu dan anak-anak kita. UMNO tidak akan sekali-kali menganiaya orang Melayu dan kaum bangsa kita sendiri berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Saya sedar bahawa ianya akan membawa banyak masalah. Bukan mudah untuk bawa bahasa Inggeris dalam satu tahun untuk semua darjah dan sekolah, tapi kita akan cuba dengan pendekatan baru. Kita sedar bahawa jumlah guru kita tidak mencukupi. Tidak ramai guru yang boleh mengajar bahasa Inggeris tetapi kita ingin menggunakan guru bukan sebagai guru tetapi sebagai fasilitator orang yang memudahkan proses. Kita akan sediakan kursus atau courseware-nya dengan menggunakan pendekatan baru iaitu semua pelajaran akan disampaikan melalui komputer dan segala perkataan kalau diadakan satu ayat atau satu sentence yang ditulis dalam bahasa Inggeris ditulis di atas papan hitam tetapi kita tidak akan guna papan hitam sebaliknya kita akan project seperti kita project dalam skrin di sini.

Semua ayat akan ditulis dalam bahasa Inggeris, lepas itu kita akan dengar bagaimana ayat itu dibaca. Murid akan cuba menyebut perkataan-perkataan ini dan jika sebutannya tidak kena, kita boleh dengar sekali lagi dan sekali lagi dalam bahasa yang digunakan oleh orang yang pakar dalam bahasa Inggeris. Jika soalan dibuat dan murid buat jawapan kemudian, daripada itu kita boleh tentukan jawapan itu betul atau tidak dengan tunjuk dalam komputer kita. Jawapan yang betul dan bagaimana kita menyebut jawapannya dan kalau murid ingin bertanya atau guru ingin bertanya sesuatu soalan maka komputer itu juga boleh menjawab soalan itu dengan bertulis dan menyebut soalan itu dengan bahasa yang betul.

Dengan cara ini kita boleh ulang belajar setiap satu perkataan, setiap satu sentence yang perlu kita ikuti berkali-kali. Bahkan jika kita mempunyai komputer, gunakan CD-Rom untuk belajar bahasa ini. Dengan ini kita percaya bahawa guru yang tidak pandai bahasa Inggeris juga boleh tolong murid untuk belajar bahasa Inggeris di masa yang sama, guru juga dapat belajar bahasa Inggeris. Inilah pendekatan yang akan kita cuba, sudah tentu akan ada masalah. Akan ada seperti mat salleh kata glitches tetapi menjadi tugas kita untuk mengatasi segala masalah.

Inilah pendekatan kita. Jika nak tunggu nak buat sesuatu sehingga proses biasa, mungkin kita tidak akan berjaya. Mungkin kita akan mengambil masa yang terlalu lambat di masa yang sama orang lain dah pergi jauh ke depan. Sebab itu kita tidak boleh berlengah. Kita kena buat secara lebih pantas daripada biasa untuk buat kereta bermotor. Umpamanya untuk membuat motokar - orang Barat mula pada tahun 1890. Untuk sampai ke tahap ini, mereka sudah belajar bagaimana membuat kereta lebih daripada 100 tahun. Tetapi kita bermula pada tahun 1985, mengambil masa tiga tahun untuk keluarkan Proton Saga. Kalau nak ikut proses biasa, kita akan keluarkan Proton Saga pada tahun 2085. Sanggupkah semua yang ada dalam ini tunggu tahun 2085 baru nak dapat Proton Saga.

Kita, kata Mat Salleh leap frog - lompat katak - cara inilah yang selalu dilakukan oleh kita. Kita selalu mempercepat proses dan bila kita mempercepat proses, tentulah ada masalah dan terpulanglah pada kita untuk kita mencari jawapan kepada masalah ini. Bagaimana kita boleh atasi masalah. Dan kita telah buktikan kepada dunia bahawa kita berkemampuan menghadapi dan mengatasi banyak masalah dalam negara berbilang kaum ini.

Sebenarnya kalau kita lihat di seluruh dunia tidak ada satu pun negara berbilang kaum yang aman dan tenteram tetapi kita di Malaysia ini, masih aman tenteram dan masih dapat dibangunkan lagi. Sebabnya ialah kita menggunakan pendekatan cara kita sendiri. Kita tidak meniru cara orang lain. Kita semua tahu apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi - apabila Ringgit kita dijatuhkan nilainya dan ramai yang berkata kita perlu meminjam kepada IMF (Dana Kewangan Antarabangsa) untuk mengatasi kegawatan ekonomi.

Semua negara di dunia ini pergi ke IMF untuk meminta pinjaman, untuk meminta tunjuk ajar malah menyerahkan negaranya untuk ditadbirkan secara langsung oleh IMF. Tetapi kita satu negara tunggal yang tidak pergi kepada IMF - mencipta cara kita sendiri dan ramailah daripada mereka yang meramalkan akan runtuhlah ekonomi Malaysia. Hari ini mereka terpaksa telan apa yang mereka katakan. Hari ini mereka mengaku cara Malaysia mungkin boleh berjaya.

Sebab itu kita harus mempunyai kepercayaan kepada diri kita apabila kita menghadapi sesuatu masalah ataupun merancang sesuatu. Dan kali ini kita ingin memperkenalkan bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran dan juga kita ingin menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik. Ada juga yang mengatakan kita perlu belajar bahasa-bahasa lain juga. Kita boleh belajar banyak bahasa lain tetapi untuk mempelajari bahasa Perancis atau bahasa Rusia kita perlu mempelajari bahasa Inggeris dahulu kerana tidak ada buku untuk mengajar kita bahasa Rusia dan Perancis yang ditulis dalam Bahasa Melayu.

Jadi kita guna bahasa Inggeris sebagai jambatan untuk menyeberang ke arah yang lebih maju supaya kita dapat majukan negara kita dengan lebih hebat. Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak yang sedia menyumbang wang untuk menambah jumlah pelajar bumiputera di IPTS (institusi pengajian tinggi swasta). Sebenarnya kerajaan sanggup mengadakan dana yang cukup, yang penting sebenarnya bukan jumlah wang tetapi jumlah pelajar yang layak memasuki IPTS.

Saya harap anak-anak kita akan belajar dengan baik supaya mereka akan layak untuk masuk ke IPTS dan jika mereka tidak mempunyai wang yang cukup, kerajaan sanggup memberi bantuan wang secara pinjaman ataupun secara langsung. Memang benar kalau kita pergi ke IPTA kita bayar yuran yang murah tetapi sebenarnya itu adalah kerana kerajaan memberi subsidi yang sangat besar.

Kita membelanjakan wang yang banyak untuk setiap satu daripada universiti-universiti kita dan apa jua yang kita belanja untuk universiti merupakan subsidi kepada penuntut-penuntut kita. Biasanya 90 peratus daripada kos mereka masuk ke universiti kerajaan - universiti awam ditanggung oleh kerajaan. Sebaliknya kerajaan tidak perlu tanggung kos universiti swasta. Mereka mengadakan universiti itu dengan belanja mereka sendiri dan dengan itu mereka terpaksa mengenakan yuran yang lebih tinggi. Ini kerana kerajaan

tidak perlu membiayai kos universiti swasta. Kalau pun anak kita pergi ke universiti swasta dan tidak mempunyai wang yang cukup untuk membiayai yuran yang tinggi, kalau pun kita tambah ke jumlah yang mencukupi pun jumlahnya kurang daripada perbelanjaan kerajaan kepada universiti awam. Sebab itu kita akan menentukan anak kita mempunyai kelayakan yang cukup. Universiti swasta akan diberi sokongan wang yang mencukupi. Namun demikian yang mampu membayar bayarlah sedikit. Jangan bergantung 100 peratus dengan kerajaan. Macam juga kita pergi ke hospital. Kalau kita tidak ada duit kita pergi ke hospital kerajaan itu pun kita kena bayar sedikit.

Yang ada duit pergilah ke hospital swasta dan bayarlah sepenuhnya. Itu cara kita supaya yang mampu mesti membayar, yang tak mampu, kita tolonglah seberapa yang boleh. Berkenaan dengan desakan supaya parti menguasai kerajaan dan dalam perkara ini desakan dibuat supaya agensi-agensi dan syarikat kerajaan diisi dengan pengarah-pengarah dan eksekutif terdiri daripada profesional-profesional daripada parti kita. Sebenarnya kita telah pun melantik mereka ke dalam beberapa daripada agensi dan syarikat-syarikat.

Saya mempunyai senarai tetapi tidak perlulah saya sebut nama-nama mereka. Tetapi memang pun apabila terdapat ahli profesional atau ahli yang berkelayakan untuk menjadi pengurus dan pengarah - kita telah melantik mereka. Di masa-masa hadapan kita akan melantik mereka untuk menduduki dalam badan-badan kerajaan ini supaya mereka dapat menentukan tidak ada penyelewengan berlaku. Dalam pada itu saya ingin menekankan bahawa kita tidak harus pandang mereka yang mungkin tidak menjadi ahli UMNO tidak bersimpati dengan UMNO.

Mereka yang mengurus badan-badan itu dan juga mereka yang berada dalam kerajaan, majoriti yang terbesar daripada mereka menyokong kerajaan. Tahun 1999 keadaan berbeza kerana ada orang tertentu yang masa dia berada dalam kerajaan bukan mempromosikan parti kita tetapi mempromosikan dirinya. Apabila dia sudah tidak ada maka kecewalah ramai daripada orang yang begitu memandang tinggi kepadanya dan mereka ternampak bermimpi kerajaan dan bermimpi UMNO. Ramai yang meminta supaya saya mengambil tindakan terhadap mereka termasuk memindahkan mereka daripada jawatan atau tempat-tempat tertentu.

Saya minta maaf sekali lagi kerana saya tidak berbuat demikian. Sebaliknya kita telah buktikan kebenaran kita dan kita juga telah membuktikan kita ikhlas dalam perjuangan kita. Hari ini sikap pengawai kerajaan dan kakitangan awam sudah pun berubah dengan ketara. Dalam perhimpunan pada Hari Buruh tanpa desakan daripada kita sama sekali, pihak CUEPACS dan ahli-ahlinya telah berikrar untuk menyokong kerajaan secara sukarela.

Saya tidak khuatir dalam pilihan raya akan datang, mereka akan kembali memberi sokongan, kerjasama dan menjayakan segala dasar-dasar kerajaan. Dalam menangani masalah seperti ini janganlah kita terlalu gopoh untuk menuduh dan memarah orang tertentu kerana mereka salah faham. Yang perlu dibuat oleh kita ialah menentukan bahawa mereka faham apa sebenarnya yang berlaku.

Insya-Allah apabila mereka faham pendirian mereka akan berubah dan mereka akan kembali memberi sokongan kepada kita. Kita harus ingat dalam pilihan raya, walaupun kita mempunyai jumlah ahli seramai 2.8 juta orang tetapi kalau calon-calon UMNO hanya disokong oleh ahli-ahli UMNO, di kebanyakan tempat kita tidak boleh mendapatkan kemenangan. Kita hanya boleh dapat kemenangan jika orang yang bukan menjadi ahli UMNO memberi undi mereka kepada kita, kalau mereka anggap kita sebagai sebuah parti yang mendirikan kerajaan yang bertimbang rasa yang tidak menzalimi sesiapa. Sebab itu kita harus jaga hati orang bukan sahaja yang ada dalam parti kita tetapi yang berada di luar parti kita dan yang terpenting ialah pegawai kerajaan dan kakitangan awam kerana merekalah yang akan melaksanakan dasar yang kita rancang. Segala cadangan yang datang daripada mesyuarat agung yang kita adakan ini tidak akan dapat dilaksanakan oleh menteri-menteri dan kabinet mereka.

Akhirnya pegawai dan kakitangan kerajaanlah akan melaksanakan apa yang diputuskan oleh kita. Saya bersyukur kerana tidak ada tanda mereka ingkar dan tidak mahu melaksanakan dasar kita. Saya ucap terima kasih kepada pegawai dan kakitangan kerajaan kerana mereka mematuhi segala arahan dan dasar parti kita sebagai kerajaan. Tetapi seperti biasa, kalau Datuk Badruddin kata ahli Majlis Tertinggi pun mungkin ada satu dua orang yang tidak patuh tak hairanlah - dalam kerajaan, kita mempunyai 1 juta kakitangan dan pegawai kerajaan akan ada berpuluh ribu barang kali yang tidak bersimpati dengan kita.

Tetapi majoriti yang terbesar, percayalah bersimpati dengan kita. Berkaitan dengan perkara agama dan khusus ini amat menarik sekali terutama ucapan daripada jurucakap dari Kedah. Dia memperingati kita bahawa Pas ditubuh pada zaman British. Dan memang benar seperti dikata oleh Dr. Hamid (Tan Sri Abdul Hamid Othman), British selalu tinggal bom jangka. Apabila dia tinggal sebuah negara, dia tinggalkan bom - supaya apabila dia sudah pergi dan tidak memerintah lagi timbullah beberapa masalah dan dapatlah mereka berkata:

"Apabila kami tidak memerintah, orang-orang ini tidak tahu bagaimana memerintah negara mereka." Selalunya mereka mempunyai banyak masalah dan pembangunan tidak dapat dilakukan. Itulah bom jangka dari British. Di India ada Kadanika, di Palestin disuruhnya Israel dan di Malaysia ini kita lihat Pas telah diluluskan oleh pihak British. Dan tentu British tahu bahawa sudah ada UMNO yang menjadi jurucakap kepada orang Melayu, jadi apa perlunya ada sebuah parti yang begitu sempit pandangannya. Tetapi Pas telah diluluskan oleh pihak British dan hari ini kita lihat kesan daripadanya.

Merekalah yang memecah-belahkan orang Melayu dan mengelirukan orang Melayu sehingga akidah mereka juga sudah hilang dalam banyak perkara. Saya khawatir kalau undang-undang ini dilulus maka banyaklah kes rogol, sumbang mahram dan macam-macam lagi berlaku di Terengganu dan Kelantan kerana hendak mencari empat orang saksi tidak boleh.

Dan kalau empat orang saksi ini mereka duduk dan tengok sahaja di situ, buat apa. Takkan dia tidak hendak tolong. Dia tengok orang kena rogol, dia kata ini peluang aku hendak jadi saksi. Tengok sahaja. Ambil nota. Supaya bila dia kemudian dipanggil jadi saksi, "ini nota (sudah) ada. Saya tengok betul-betul ini. Dengan mata kepala saya. Empat orang tengok." Tapi kalau dia sembunyi diri dia, dia tengok secara diam-diam,

orang tu tak tahu, itu mengintip pulak... salah jugak, mengintip pun tak boleh, jadi macam mana? Ini bukanlah salah ajaran Islam, tidak. Salah undang-undang Pas ni. Ini bukan hudud, ini undang-undang Pas. Tak ada kena-mengena dengan hudud.

Dia cuma nampak bila dia kata yang itu, dia nampak pangkah, dia boleh dapat undi satu. Nampak pangkah... itu sajalah yang dia nampak. Itulah Tuhan dia. Dia nampak kertas undi. Dia tahu nak menang, nak jadi Yang Amat Berhormat, lepas itu boleh sesah kekayaan Terengganu apa semua.

Saya telah tekankan tentang betapa pentingnya kita belajar berdiri atas kaki kita sendiri. Berdiri tegak tanpa tongkat, tanpa apa-apa bantuan, ini adalah dasar negara kita sebenarnya. Selama kita merdeka, kita telah elak daripada bergantung kepada sesiapa. Kalau kita perhatikan kebanyakan daripada negara-negara membangun yang lain, negara-negara yang mencapai kemerdekaan sama dengan kita, kita dapati bahawa mereka selalu bergantung kepada bantuan, kepada aid (pertolongan) kepada hutang dari luar negara. Ada Club of Paris, ada Club of London, yang mana negara-negara maju ini akan berkumpul tiap-tiap tahun untuk menentukan banyak mana bantuan akan diberi kepada negara ini dan negara ini dan negara ini.

Negara-negara yang baru merdeka, negara membangun yang semuanya miskin belaka, mereka menerima bantuan ini bukan tanpa syarat. Apabila mereka menerima bantuan, banyaklah syarat yang dikenakan dan dengan cara ini kehilangan kebebasan mereka. Sebab itu hari ini, hanya kita sahaja yang bebas menyuarakan pendapat kita apabila ada rundingan dalam World Trade Organisation (Pertubuhan Perdagangan Dunia) umpamanya, mereka tidak berkata apa-apa (negara-negara yang membangun ini). Mereka tahu bahawa syarat-syarat yang dikenakan, tafsiran-tafsiran yang dibuat berkenaan dengan globalisasi akan merugikan mereka. Tetapi mereka senyap belaka. Yang menghulurkan leher untuk ditetak ialah Malaysia.

Kitalah jadi orang jahat yang selalu menentang - tidak bersetuju dengan itu, tidak bersetuju dengan ini. Lepas saja mesyuarat maka datanglah negara-negara kecil ini kepada kita dan mereka berkata, "Kami bersetuju... kami juga teringin nak kata, tapi kami tak boleh. Sebab kami tak boleh kerana kami hutang banyak. Kami terima banyak bantuan (aid) daripada negara-negara maju ini.

"Dan sebelum pun kami datang ke mesyuarat ini, mereka sudah menghantar orang-orang tertentu untuk memberi amaran kepada kami. Kalau tidak menyokong cadangan ini maka mereka akan hentikan bantuan, akan menuntut supaya segala hutang dibayar dengan segera. Bermakna bahawa mereka tidak punyai kebebasan." Tetapi di Malaysia kita telah mentadbirkan kewangan kita supaya kita tidak perlu meminjam daripada negara-negara tertentu. Kita tidak perlu meminta bantuan daripada sesiapa. Sebenarnya kita tidak dapat apa-apa bantuan dari mana-mana negara yang maju.

Kita berdiri atas kaki kita sendiri. Ya kita hutang, tapi hutang kita tak banyak. Dan kita hutang daripada pasaran, kita hutang daripada bank dan bukan satu bank. Tiap kali kita hutang, berpuluh-puluh bank minta untuk nak menyumbang kepada bon-bon kita. Dengan itu, mereka tidak boleh menguasai kita kerana mereka mempunyai kepentingan untuk mendapat balik bayaran hutang mereka.

Kita pinjam juga dari Jepun tetapi hutang dari Jepun ini istimewa kerana faedah dia begitu rendah. Begitu rendah sehingga kalau kita tak hutang kita jadi orang bodohlah... 0.7 peratus, bayaran 40 tahun. Tak apalah kita hutang... orang 40 tahun lagi yang nak bayar, bukan kita. Inilah cara kita, kita tak hendak hutang daripada sesiapa supaya kita terikat dengan mereka dengan dasar mereka. Kita nak kita bebas, kita merdeka. Secara benar merdeka. Bukan setengah-setengah orang cuma merdeka dari segi nama saja tetapi dari segi sebenarnya mereka tidak merdeka. Kita tahu tekanan-tekanan yang dikenakan oleh IMF umpamanya, kalau kita hutang daripada mereka.

Untuk menentukan kita tidak terikat kerana kita perlu mendapat hutang atau bantuan daripada mereka, maka pembangunan negara kita perlulah dibuat dengan cara yang berkesan. Alhamdulillah, sejak kita merdeka kita dapat bangun negara kita dengan pesat sehingga kita dapat menyimpan rizab kita yang cukup untuk membiayai lima setengah bulan, kalau kita tak ada duit sama sekali.

Untuk membeli barang, kita punyai duit yang cukup. Urusan kewangan kita adalah urusan yang bijak dan baik supaya kita tidak terlalu boros belanja dan terpaksa selalu berhutang. Ya baru-baru ini kita ada keluarkan bon. Bukan kerana kita perlu kepada wang, kerana nak tahu kita punya standard diterima di taraf yang mana. Apa kita punya credit rating sebab itu kita keluarkan bon. Wang kita banyak dalam negara kita ini kerana EPF mempunyai wang yang cukup banyak, kita punya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Kita kutip tiap-tiap bulan lebih daripada RM1 bilion. Tiap-tiap tahun lebih daripada RM12 bilion. Kita mempunyai dana sebanyak RM112 bilion. Ini adalah wang dalam negara yang boleh kita pinjam jika kita perlu.

Selain daripada EPF, kita juga ada tabung-tabung lain termasuk juga Tabung Haji, termasuk juga Socso dan lain-lain lagi. Kita menjadi negara yang mempunyai tabungan yang terbesar tabungan terbesar sekali dalam dunia, 38 peratus. Jumlahnya ialah 38 peratus daripada KDNK (Keluaran Dalam Negara Kita) kita, tak ada negara dalam dunia, dulu Jepun ada tinggi tapi sekarang Jepun juga jatuh.

Tetapi sekarang kita masih mempunyai tabungan yang tinggi yang menyebabkan kita tidak perlu hutang dari negara-negara asing terutama daripada kerajaan-kerajaan asing yang akan mengikat kita dengan dasar-dasar mereka. Tabungan ini amat penting kerana dia memberi kita cukup peruntukan wang supaya kita tidak perlu bergantung kepada sesiapa. Dengan itu kemerdekaan dan kebebasan kita terselamat. Ini adalah dasar negara kita, kita juga ingin ini menjadi dasar tiap-tiap warga kita. Tiap seorang daripada kita mestilah berusaha supaya dia tidak hutang terlansung banyak.

Dan kalau kita belanja lebih, tentu kita nak hutang. Kadang-kadang kita terpaksa... Kalau anak kita nak ke universiti tak ada duit... kita terpaksa hutang mungkin. Kadang-kadang kita boleh dapat biasiswa, kadang-kadang tidak. Tetapi seberapa boleh, kita jangan hutang. Seronok sangat nak hutang ni kerana ada orang berpendapat kalau duit kita hutang, kalau rugi tak payah bayar, terutama kalau hutang Mara. Saya tahu satu orang yang kata kepada saya... ini ada dalam buku saya, Panduan Kepada Peniaga Kecil, siapa yang tak pernah baca angkat tangan, semua pernah bacalah.

Dalam buku Panduan Peniaga Kecil ini, saya cerita berkenaan satu orang, satu orang kampung. Dia berhajat nak beli kedai runcit milik mamak dalam kampung tu. Saya tanya dia, ada duitkah? Dia kata duit adalah sikit tapi saya tak mahu belanjalah duit saya, kalau boleh doktor kiralah saya ambil hutang. Jadi dia nak beli dengan duit hutang, duit dia, dia nak simpan. Tak mahu belanja sebab kalau rugi... itu bank punya, tak payahlah dia bayar. Kalau duit, dia habislah. Ah ini, orang yang bijak.

Tetapi kita juga tahu ada orang yang tak bijak yang hendak duit juga. Ini cerita orang nak beli komputer. Semua orang dah tahu dah, tak payah cerita kot. Saya tak faham langsung. Ini duit dia dalam EPF. Ini duit dia sendiri, bukan duit orang lain. Duit ini adalah duit dia sendiri yang dia boleh terima bila dia berhenti kerja. Bila dia dah tua tak boleh kerja, dia akan dapat keluarkan duit EPF untuk membiayai sara hidup dia selepas dia berhenti kerja.

Tetapi dia cukup pandai, dia nak keluarkan duit ni. Ini kerajaan kata, kalau nak beli komputer boleh pinjam duit EPF dan dia pun nak pinjam. Dia sanggup keluarkan RM3,000 duit EPF dengan duit itu dia bukan beli komputer, dia beli resit beli komputer. Dan dia bayar untuk resit itu RM2,000. Dia dapat RM1,000 daripada duit dia sendiri, pandai betul. Dia dapat RM1,000 saja, RM2,000 dia bayar pada orang yang bekal komputer kepada dia tetapi tak bagi komputer cuma bagi resit (yang) kata dia dah terima sebuah komputer yang berharga RM3,000.

Esok bila dah bersara, esok tak ada kerja, duit dah tak ada kerana dah belanja dulu duit dia sendiri. Ini kebijaksanaan setengah-setengah orang yang saya tak faham. Saya ni terkenal sebagai seorang yang cukup kedekut, daripada kecil lagi saya dididik supaya... mengikut cakap orang putih neither a lender nor a borrower be. Saya tak bagi pinjam kat orang, saya tak pinjam daripada orang. Sampai sekarang ni saya tak ada hutang. Ada hutang daripada kerajaan adalah pasal buat rumah, tapi boleh bayar yang tu.

Ini daripada bank, saya tak ada hutang satu sen pun. Daripada sesiapa pun saya tak hutang. Ada orang minta hutang daripada saya. Dia nak meniaga, minta hutang RM2,000. Saya bagi kat dia RM200 kata tak payah kira hutanglah yang ini you punyalah. Sebab kalau nak berkelahi, cara mudah sekali bagi hutanglah. Bila bagi hutang, (jika) dia tak bayar esok... bila nampak kita hujung jalan sana, dia melencong ke sana dah. Tak boleh jumpa dah, hilang satu kawan. Sebab itu kalau nak tanya saya punya pendapat, kita jangan terlalu sangat mudah berhutang. Kalau hutang, kita jagalah - macam mana carilah jalan menentukan supaya kita tak habiskan hutang dengan cara tak baik dan kita dapat bayar balik hutang itu. Di Malaysia saya nak sebutkan di sini kita selalu buat pendekatan yang berbeza dengan orang lain. Banyak benda kita buat di Malaysia ini yang tak dibuat oleh orang lain sejak kita merdeka. Bahkan semasa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan pun kita bertindak berlainan daripada orang lain.

Orang lain mengadakan pemberontakan dan sebagainya, kita tak ada... kita cari jalan rundingan dan kita tentukan ada kerjasama antara kaum sehingga akhirnya kita capai kemerdekaan dalam keadaan aman dan tenteram. Demikian juga semasa kita lawan Malayan Union. Kita tidak memberontak. Tidak ada pasukan gerila kita yang lawan. Hanya yang kita buat menyatu-padukan orang Melayu melalui UMNO dan dengan cara ini kita dapat tentukan pihak British tidak melaksanakan Malayan Union kerana dibantah oleh orang Melayu.

Ini cara kita, kita juga dala melawan dengan komunis. Kita bukan saja guna tentera tapi menawan hati dan pemikiran mereka. Iaitu menawan hearts and minds of the people (hati dan pemikiran rakyat), dengan cara itu kita dapat menewaskan komunis. Kita juga mengadakan macam-macam kemudahan bagi kaum yang merasa diri mereka tersisih dan dengan itu mereka memberi sokongan kepada kita.

Dalam politik pula, kita sebagai sebuah negara berbilang kita tak rebut untuk kaum kita saja. Kita rela bekerjasama dengan kaum-kaum lain kerana falsafah kita adalah lebih baik kita dapat sebahagian satu kek yang tumbuh dengan pesat daripada mendapat 100 peratus daripada kek yang semakin lama semakin susut.

Inilah falsafah kita dan ini telah menghasilkan banyak kemajuan bagi kita. Dalam bidang ekonomi juga kita tidak memilik negarakan apa yang dimiliki oleh orang asing. Sebaliknya apabila kita mencapai kemerdekaan, kita menjemput orang asing untuk sama-sama membangunkan negara kita melalui investment (pelaburan) mereka dalam industri-industri kita. Dengan itu kita dapat mengubah negara kita daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara industri tanpa apa-apa masalah.

Dalam rusuhan kaum pada tahun 1969 ramai yang meramal bahawa tamatlah negara Malaysia kerana kaum-kaum tak dapat hidup bersama. Sebab itu kita telah cipta DEB (Dasar Ekonomi Baru) untuk mengagihkan kekayaan negara secara lebih saksama. Dengan itu apabila berlaku kegawatan ekonomi, sementara di negara lain rusuhan kaum berlaku, di Malaysia tidak ada rusuhan kaum yang berlaku.

Demikian juga dengan dasar luar negeri kita, kita tidak menyokong negara yang kuat sahaja, sebaliknya kita beri keutamaan kepada ASEAN yang pertama, negara-negara Islam yang kedua, Negara-negara Berkecuali yang ketiga, Komanwel yang keempat, lepas itu barulah kita mengadakan hubungan dengan negara-negara yang lain. Kita juga menolak semua ideologi, sebaliknya kita memilih apa yang baik daripada semua ideologi dan kita laksanakan yang baik. Sebab itu kita menggunakan cara komunis apabila kita melaksanakan rancangan pembangunan lima tahun sekali.

Kita tidak menolak kapitalis kerana kita percaya bahawa modal juga perlu untuk membangunkan negara dan kita juga tidak menolak socialism yang menekankan keadilan bagi masyarakat, tapi tidak bagi keseluruhannya. Kita juga adalah antara negara terawal sekali yang melaksanakan penswastan walaupun banyak kritikan yang dilempar terhadap penswastan tetapi jika tidak ada penswastan hari ini, kita tidak akan dapat lihat Lebuh raya Utara Selatan dan lain-lain lebuhraya di negara kita. Inilah negara kita yang kita urus dengan cara kita sendiri bukan dengan meniru sesiapa. Bukan meniru ideologi mana-mana pihak atau terikat dengan sesuatu ideologi sehingga tidak dapat bergerak. Apa yang kita lakukan adalah mengikut keupayaan kita. Pragmatisme apa yang boleh dibuat, kita buat tetapi kita tidak mengikat diri kita dengan ideologi sehingga benda yang tidak baik pun kita terpaksa lakukan kerana itu adalah preskripsi daripada ideologi berkenaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tun Pengerusi Tetap, ahli-ahli Majlis Tertinggi, para wakil ke perhimpunan Agung tahunan UMNO 2002, tuan-tuan dan puan-puan, Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengumumkan... mengumumkan... satu... peletakan jawatan saya..., (sebak). Peletakan jawatan saya sebagai Presiden UMNO dan semua jawatan-jawatan... yang dipegang oleh saya... (sebak).